

USIM rangkul tiga emas, satu perak di ITEX 2014


SEREMBAN 3 Jun - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus menempai kejayaan selepas berjaya merangkul tiga pingat emas dan satu perak dalam penganjuran di Pameran Reka Cipta, Inovasi dan Teknologi Antarabangsa (ITEX) 2014, baru-baru ini. •

Lebih membanggakan, kesemua empat penyertaan USIM itu berjaya membuahkan hasil melalui kategori dipertandingkan dalam pameran yang dilangsungkan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Kejayaan itu diperolehi melalui pensyarah dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST) yang dibarisi Dr. Norita Md. Nawawi yang mendapat emas bagi produk iTAG V1.0, Dr. Madiah Mohd. Saudi (emas) bagi produk tunggalnya eZCERT, selain Dr. Mohd Fadzli Marhusin memperoleh perak bagi produk iLegacy yang masing-masing menang dalam kategori Multimedia dan Teknologi Maklumat (ICT).

Turut merangkul emas ialah Dr. Abdul Rahman Hassan bagi ciptaan Novel Narrow Pore Active-Ultrafiltration (NPA-UF) Membranes bagi kategori Biotechnology, Health and Fitness.

Secara ringkasnya, NPA-UF Membran adalah membran jenis baharu, pertama seumpamanya di dunia.

 Lebih membanggakan, kesemua empat penyertaan USIM itu berjaya membuahkan hasil melalui kategori dipertandingkan dalam pameran yang dilangsungkan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC)

ITEX 2014 secara dasarnya mempertanding 23 kategori, selain dua bagi peserta berumur 20 tahun ke bawah yang disertai sebanyak 40 institusi pengajian tinggi (IPT) termasuk agensi kerajaan dari dalam dan luar negara.

Matlamatnya bertujuan meningkatkan inisiatif dan daya saing serta memberi peluang kepada peserta tempatan dan antarabangsa mempamerkan hasil inovasi dan teknologi dari pelbagai sektor, kumpulan pakar dari bidang penyelidikan dan pembangunan, pembuatan, pembiayaan dan undang-undang.